

## PENEMUAN KONFLIK DALAM CERITA PAK KADUK: TEORI TEKSDEALISME

Ahmad Ridhwan Che Husin  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,  
Universiti Malaysia Kelantan.  
Email: [firmas14409@gmail.com](mailto:firmas14409@gmail.com)

Mohd Firdaus Che Yaacob  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,  
Universiti Malaysia Kelantan  
Email: [firdaus.cy@umk.edu.my](mailto:firdaus.cy@umk.edu.my)

### ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan hasil kreatif penglipur lara pada zaman dahulu untuk mendidik perilaku masyarakatnya. Setiap cerita yang disampaikan bertujuan membaiki akhlak masyarakat setempat. Namun, keadaan semasa menyukarkan penyampaian cerita rakyat berlaku secara langsung. Hal ini kerana masyarakat kini lebih terdedah dengan gadget dan teknologi. Secara tidak langsung, penyampaian cerita rakyat secara verbal tidak mampu dilakukan secara menyeluruh kepada masyarakatnya. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis penemuan konflik dalam cerita *Pak Kaduk*. Kajian ini membataskan sebuah cerita rakyat iaitu *Pak Kaduk* untuk memperlihatkan konflik yang berlaku dalam alur ceritanya. Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi mendapatkan data yang sahih. Selain itu, kajian ini turut mengaplikasikan teori tekdealisme bagi memperkukuhkan analisis kajian. Hasilnya, kajian ini memperlihatkan kewujudan konflik dalam masyarakat mencetuskan daya pemikiran kreatif untuk menyelesaikan masalah yang berlaku.

**Kata kunci:** Cerita Rakyat, Konflik, Pak Kaduk, Teori Teksdealisme

### 1. Pengenalan

Cerita rakyat merupakan gaya penyampaian kreatif dalam mendidik anak-anak muda pada zaman dahulu. Cerita rakyat ditakrifkan sebagai komunikasi lisan yang dicipta berdasarkan pengalaman penglipur lara (Hazrul Mazran Rusli, 2018). Penglipur lara mengaitkan pengalaman hidupnya demi menegur kesilapan anak-anak muda. Dengan berbuat demikian, akhlak anak-anak muda mampu dibentur dan diselarikan dengan adab resam masyarakat Melayu terdahulu. Hal ini penting dalam menjaga warisan budaya nenek moyang zaman dahulu. Penyataan ini disokong oleh Jeanette Hillary (2018) cerita rakyat ialah sebuah komunikasi dua hala yang dilakukan antara penglipur lara dan masyarakat setempat. Komunikasi dua hala ini menggabungkan pelbagai idea kreatif kepada penglipur lara dalam menghasilkan karyanya. Setiap karya disampaikan bagi membaiki kesalahan masyarakat setempat agar tidak melanggar pantang-larang nenek moyang.

Konflik merupakan perselisihan kepelbagaian buah fikiran atau pendapat yang dimiliki dalam sebuah masyarakat (Tiara Fani, 2017). Hal ini disebabkan oleh setiap anggota masyarakat memiliki pendapat atau pandangan tersendiri. Kadang-kala masing-masing tidak mahu mengalah dengan pendapat sendiri. Perbezaan pendapat ini telah mewujudkan suasana tidak harmoni dalam kalangan masyarakat. Kenyataan ini disokong oleh Sakinah Rahmah (2020) yang menyifatkan konflik adalah satu bentuk keadaan yang mengugat keharmonian dalam sebuah masyarakat. Hal ini kerana terdapat sesetengah masyarakat mempertikaikan tindakan individu lain yang dianggap bertentangan dengan prinsip hidup mereka. Keadaan yang tidak harmoni menyebabkan berlakunya perpecahan dalam kalangan masyarakat.

## 2. Sorotan Kajian Lepas

Pada bahagian sorotan kajian lepas, pengkaji telah meneliti beberapa kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu mengenai cerita rakyat Melayu. Antaranya ialah *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari* oleh Hazrul Mazran Rusli (2018). Cerita rakyat disampaikan agar masyarakat setempat mempelajari cara hidup yang mementingkan keadilan sosial. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis adaptasi cerita jenaka Melayu kepada karya seni kontemporari. Kajian ini membataskan tiga buah cerita jenaka iaitu *Lebai Malang*, *Si Luncai* dan *Pak Pandir*. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi memperkukuhkan data. Hasilnya, kajian ini mendapati cerita jenaka Melayu memberi kesan mendalam terhadap kefahaman masyarakat setempat biarpun diadaptasi kepada bentuk seni kontemporari.

Seterusnya, kajian yang bertajuk *Cerminan Nilai-Nilai Islam dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Cerita rakyat diklasifikasikan sebagai satu kesusasteraan yang diminati pada zaman dahulu. Hal ini kerana cerita rakyat dilihat lebih akrab dengan gaya hidup masyarakat terdahulu. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan nilai-nilai Islam dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Kajian ini membataskan beberapa cerita dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi mendapatkan data yang sahih. Hasilnya, kajian ini mendapati nilai Islam seperti tawakal dan istiqomah mendidik anak-anak muda untuk menerapkan sikap yang baik dalam kehidupan harian.

Selain itu, Noorzatulhidayah Mohd Hanipah et, al. (2021) dalam kajian yang bertajuk *Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia*. Cerita rakyat merupakan hasil sastera yang dimiliki oleh rakyat jelata bagi tujuan mendidik akhlak dalam kalangan mereka. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan membincangkan ritual dalam cerita rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang. Kajian ini membataskan untuk meneliti cerita rakyat yang diperoleh di Mukim Bebar, Pekan, Pahang. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual bagi memperoleh data. Hasilnya, kajian ini menemukan beberapa ritual yang sering diamalkan oleh masyarakat di Mukim Bebar, Pahang sekaligus mencerminkan identiti kelompok mereka.

Di samping itu, Muhammad Qawiem Hamizan et, al. (2021) dalam kajiannya *Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater*. Cerita rakyat merupakan warisan sastera berbentuk lisan yang sering disampaikan oleh nenek moyang pada zaman dahulu. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan dokumentasi persembahan teater melalui cerita rakyat di Sarawak. Kajian ini membataskan untuk mendokumentasi cerita rakyat di Sarawak sahaja. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan lapangan bagi menemukan data yang sahih. Hasilnya, kajian ini mendapati pertunjukan teater lebih menarik apabila dimasukkan elemen warisan Melayu di Sarawak seperti cerita rakyat.

## 3. Penyataan Masalah

Melalui sorotan kajian di atas, pengkaji mendapati terdapat beberapa kelompangan yang diteliti menerusi kajian-kajian lepas. Antaranya ialah *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari* oleh Hazrul Mazran Rusli (2018), *Cerminan Nilai-Nilai Islam dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), *Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia* oleh Noorzatulhidayah Mohd

Hanipah et, al. (2021) dan *Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater* oleh Muhammad Qawiem Hamizan et, al. (2021).

Melalui kajian-kajian lepas yang diperolehi, pengkaji mendapati masih terdapat kelompangan daripada aspek konflik dalam cerita rakyat. Hal ini terjadi demikian kerana pengkaji terdahulu lebih menekankan terhadap aspek adaptasi seni cetakan kontemporari, nilai-nilai Islam dan ritual dalam pengkajian terdahulu. Oleh itu, elemen konflik dalam cerita rakyat mulai dipinggirkan kerana bimbang mempengaruhi pemikiran negatif kepada masyarakat setempat. Maka, kajian ini dilakukan bagi memartabatkan semula elemen konflik dalam cerita rakyat. Tujuan kajian ini untuk menangkis persepsi masyarakat terhadap peranan konflik dalam cerita rakyat terutama terhadap pendidikan awal kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, kajian ini diharapkan mampu memperjelaskan elemen konflik secara terperinci kepada kanak-kanak pada hari ini.

#### 4. Batasan Kajian

Pada bahagian batasan kajian, pengkaji telah menggariskan untuk meneliti sebuah cerita rakyat iaitu *Pak Kaduk*. Cerita rakyat ini diambil daripada teks *Terlajak Sengal Pak Kaduk vs Pak Pandir*. Buku ini ditulis oleh Ishak Hamzah pada tahun 2016. Buku ini telah diterbitkan oleh *E Media Multimedia Group Sdn. Bhd.* Selain itu, kajian ini turut menerapkan teori teksdelisme melalui prinsip pelanggaran yang digagaskan oleh Mana Sikana (1986). Prinsip ini dilihat menekankan corak ideologi penulisan daripada pengarangnya.

#### 5. Metodologi Kajian

Pada bahagian ini, kajian menggariskan reka bentuk kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mendapatkan bahan-bahan yang terdiri daripada buku-buku, jurnal-jurnal sastera, kertas kerja dan tesis. Bahan-bahan ini dirujuk dari Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, Kelantan, Perpustakaan Awam Kelantan, Kelantan dan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.

Kaedah analisis teks ialah kaedah utama bagi memperoleh data yang sahih dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan buku *Terlajak Sengal Pak Kaduk vs Pak Pandir* bagi mengumpul data tentang konflik dalam cerita rakyat Melayu. Buku ini ditulis oleh Ishak Hamzah pada tahun 2016. Pengkaji mengambil sebuah cerita iaitu *Pak Kaduk*. Cerita ini dipilih secara rawak bagi membuktikan tentang aspek konflik dalam cerita rakyat Melayu. Selain itu, pengkaji menggunakan teori teksdelisme menerusi prinsip pelanggaran bagi memperkukuhkan analisis kajian. Prinsip pelanggaran diambil kerana memiliki ciri-ciri pemikiran seorang pengarang yang berdedikasi dalam mengolah ideanya.

#### 6. Teori Teksdelisme

Pengkaji menggunakan teori teksdelisme yang digagaskan oleh Mana Sikana (1986). Mengikut teori yang diilhamkan oleh Mana Sikana, teori ini memperlihatkan sifat yang berani lahir daripada jiwa pengarangnya. Hal ini kerana pengarang berani dalam meluahkan pendapat melalui penulisan. Sifat keberanian ini membuatkan pengarang mampu meletakkan hasil karyanya di peringkat atas. Oleh itu, pendapat yang diutarakan dalam karyanya mampu dihayati oleh semua lapisan masyarakat tanpa sempadan. Melalui prinsip pelanggaran, pengarang memperlihatkan sebuah revolusi yang cuba untuk disampaikan dalam penulisan

sastera. Kadang-kala pelanggaran ini mampu meruntuhkan pemikiran tradisi masyarakat demi sebuah pembaharuan dalam hidup. Oleh itu, pengarang akan cuba sedaya upaya untuk menyampaikan idea revolusi agar masyarakat tidak ketinggalan dengan pemikiran baharu. Walau bagaimanapun, masih terdapat adat resam yang dikekalkan. Hal ini kerana pengarang beranggapan adat resam itu telah sebatikan dan menjadi jati diri masyarakat setempat. Oleh itu, prinsip pelanggaran masih memiliki timbal balik agar adat resam mampu dikekalkan di samping masyarakat tetap membangun mengikut arus kemodenan.

## 7. Penemuan Konflik dalam Cerita *Pak Kaduk*

Pada bahagian analisis, pengkaji mendapati cerita *Pak Kaduk* memiliki beberapa konflik yang mampu dijadikan iktibar kepada masyarakat pada hari ini. Antara konflik yang ditemui ialah marah tidak bertempat, terlalu percaya kepada orang lain dan enggan mendengar pendapat.

Konflik merupakan tindakan seorang individu atau sebahagian masyarakat untuk melakukan pembaharuan yang bertentangan dengan pendapat orang lain. Hal ini biasanya mendatangkan pertengkaran atau perdebatan sebelum masalah mampu dirungkaikan (Mohd Nazri Abdul Rahman et, al., 2017). Perdebatan ini dilakukan sehingga masyarakat tersebut mampu mencapai kata sepakat yang memberi kepuasan kepada semua pihak. Namun, perdebatan dalam konflik tidak semua mampu dipersetujui oleh semua pihak. Oleh itu, kadang-kala masyarakat akan cuba meletakkan beberapa persyaratan demi keharmonian sejagat. Pernyataan ini disokong oleh Hazrul Mazran Rusli (2018) yang mentakrifkan konflik sebagai sebuah perjuangan individu atau masyarakat untuk memperoleh manfaat seperti nilai, status dan kuasa. Konflik sering terjadi apabila sesetengah masyarakat tidak bersetuju dengan pendapat atau pandangan yang cuba diterapkan. Ini membuatkan kehidupan harmoni mulai terganggu. Bagi menangani konflik, masyarakat perlu sentiasa bertolak-ansur supaya konflik yang ada tidak menjadi lebih rumit.

### 7.1 Penemuan Konflik Melalui Sikap Marah Tidak Bertempat

Sikap marah tidak bertempat merupakan satu bentuk emosi yang diluahkan tanpa mengira perasaan orang lain (Jeanette Hillary, 2018). Emosi yang diluahkan menampakkan sudut pandangan negatif terhadap individu tersebut. Hal ini kerana individu itu gagal mengawal emosi marah lalu diluahkan kepada orang yang tidak bersalah. Ini membuatkan keadaan menjadi canggung dan tidak terkendali. Kesannya, individu yang dimarahi akan tersinggung malah kemungkinan menyimpan dendam terhadap individu yang memarahinya. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang menyifatkan marah tidak bertempat ialah perasaan negatif yang meluap apabila kemahuan asal individu tidak dapat dipenuhi secara langsung. Hal ini menyebabkan individu tersebut merasa kesal dan tidak mampu berfikir secara rasional. Natiujahnya, individu tersebut meluahkan perasaan negatif kepada orang sekeliling sebagai tanda protes.

Sikap marah tidak bertempat mampu dilihat dalam cerita *Pak Kaduk*. Sikap ini jelas diperincikan seperti dalam petikan di bawah:

#### Petikan 1

Apabila sahaja Mak Siti terpancang Pak Kaduk yang masam mukanya, dia lalu berkata “Hai orang yang dah pergi makan lembu dan kerbau bermasam muka? Apa lagi yang kurang. Perut sudah kenyang makan daging!” Sebaik sahaja terdengar kata-kata itu, Pak Kaduk naik marah. Dia menyangka Mak Siti mengatannya. Pak Kaduk hilang pertimbangannya. Lalu Pak Kaduk mencapai kayu api dan memalu badan Mak Siti.

(Ishak Hamzah, 2016: 20)

Watak Pak Kaduk digambarkan seorang yang memiliki sikap marah tidak bertempat. Hal ini berpunca daripada perasaan kesal kerana tidak dapat menjamu daging lembu dan kerbau di majlis keramaian. Ini disebabkan oleh cetek akal yang dimiliki oleh watak Pak Kaduk. Pak Kaduk yang tidak tahu akan masa mendayung yang sesuai membuatkan dia terlepas kedua-dua majlis. Pak Kaduk yang pulang dalam keadaan kesal bertambah marah apabila Mak Siti bergurau tentang riak mukanya yang masam. Mak Siti tidak tahu akan kejadian malang yang menimpa Pak Kaduk. Oleh kerana salah faham dan emosi tidak stabil, Pak Kaduk telah memukul Mak Siti sampai mati.

Pengaplikasian teori teksdelisme melalui prinsip pelanggaran oleh Mana Sikana (1986). Prinsip ini menekankan perubahan sikap yang dimiliki oleh watak Pak Kaduk menyebabkan dia hilang pertimbangan. Hal ini jelas apabila pengarang mengulangi ayat “bermasam muka” yang menggambarkan emosi Pak Kaduk masih kesal dengan kejadian yang dialami. Perubahan sikap ini menyebabkan Pak Kaduk bertindak di luar kawalan iaitu dengan memukul isterinya hingga mati. Tindakan Pak Kaduk telah membuatkan dia menyesal seumur hidup. Oleh kerana merasa menyesal, Pak Kaduk telah berhijrah ke kawasan lain bertujuan melupakan kejadian malang yang berlaku. Perubahan yang disampaikan oleh pengarang ini untuk memperlihatkan watak cerita ini mampu memiliki perubahan hidup dengan cara berhijrah ke luar.

## 7.2 Penemuan Konflik Melalui Sikap Terlalu Percaya Kepada Orang Lain

Sikap terlalu percaya kepada orang lain adalah perasaan individu yang memberi sepenuh jiwanya untuk mengiyakan pendapat atau tindakan seseorang (Mohd Nazri Abdul Rahman et, al., 2017). Hal ini disebabkan oleh kedudukan atau pengaruh yang dimiliki oleh individu lain. Secara tidak langsung, individu itu memberi kepercayaan sepenuhnya kepada mereka tanpa ada sedikit perasaan curiga. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Qawiem Hamizan et, al. (2021) yang mendefinisikan sikap terlalu percaya terhadap orang lain ialah sebuah tuntutan yang diberikan kepada individu lain kerana memiliki pengaruh yang kuat. Hal ini memberi keyakinan kepada seseorang individu untuk menaruh kepercayaan kepadanya. Ini berlaku kerana individu ini ingin menutup kekurangan yang ada pada dirinya.

Sikap terlalu percaya kepada orang lain mampu dilihat pada tajuk cerita *Pak Kaduk*. Sikap ini dijelaskan seperti petikan berikut:

### Petikan 2

Pak Kaduk menyerahkan ayamnya kepada Raja Indera Sari. Baginda lalu membelek-belek Si Kunani. Tahulah baginda bahawa ayam Pak Kaduk ayam bertuah. Dek sifat tamaknya, baginda mahu memiliki ayam tersebut. Lalu, baginda membuat helah kepada Pak Kaduk. “Pak Kaduk, beta kasihan melihatkan kamu. Ayam biring merah kekuning-kuningan ini tidaklah bertuah. Beta kasihan akan Pak Kaduk. Marilah kita bertukar ayam. Ambillah ayam beta ini, yang segak lagi gagah ini untuk berlaga.”

(Ishak Hamzah, 2016: 12)

Petikan ini membincangkan tentang sikap terlalu percaya kepada orang lain. Sikap ini jelas dilihat pada watak Pak Kaduk. Hal ini kerana Pak Kaduk terlalu ingin memenangi pertandingan sabung ayam di gelanggang raja. Raja Indera Sari yang melihat tuah pada ayam Pak Kaduk mula membuat helah. Raja Indera Sari mengatakan bahawa ayam Pak Kaduk itu tidak memiliki tuah seperti ayam miliknya. Baginda berpura-pura merasa kasihan lalu meminta Pak Kaduk menukar ayam dengannya. Pak Kaduk yang melihat kebaikan raja telah bersetuju menukar ayam miliknya. Tanpa Pak Kaduk sedari, itu hanya tipu muslihat raja untuk mendapatkan ayamnya.

Pengaplikasian teori teksdelisme melalui prinsip pelanggaran oleh Mana Sikana (1986). Prinsip ini memperlihatkan pengarang cuba menekan pembaca agar tidak terlalu percaya kepada individu lain. Hal ini kerana pengarang mahu pembaca memiliki pemikiran yang berdaya saing. Oleh itu, pengarang mengulang perkataan “kasihan” dalam cerita di atas bagi menggambarkan kelicikan watak raja yang sanggup menggunakan tipu helah. Hal ini memberi gambaran kepada pembaca untuk peka dan berhati-hati dalam membuat sebarang keputusan. Setiap keputusan akan memberi impak yang besar kepada diri sendiri.

### 7.3 Penemuan Konflik Melalui Sikap Enggan Mendengar Pendapat

Sikap enggan mendengar pendapat merupakan tindakan seseorang yang tidak menyukai pandangan orang lain kerana berlawanan dengan prinsipnya (Sakinah Rahmah, 2020). Hal ini kerana prinsip hidup adalah tonggak utama kepada individu tersebut. Oleh itu, pandangan yang berlawanan dengan prinsipnya akan ditolak walaupun pandangan itu bernas dan fleksibel. Kenyataan ini disokong oleh Noorzatulhidayah Mohd Hanipah et, al. (2021) sikap enggan mendengar pendapat ialah tindakan individu yang tidak ingin melaksanakan perubahan secara asasnya. Hal ini kerana individu tersebut tidak memiliki keyakinan dengan pandangan yang disampaikan. Oleh itu, individu tersebut meneruskan hidup secara tradisi tanpa ada apa-apa perubahan.

Sikap enggan mendengar pendapat mampu dilihat pada cerita *Pak Kaduk*. Sikap ini jelas ditampikan seperti dalam petikan di bawah:

#### Petikan 3

Mak Siti tidak terdaya mahu menahan kehendak Pak Kaduk. Kalau dilarang bagaimanapun, kalau sudah kehendaknya, susah mahu menerima nasihat. Lalu Mak Siti Menjawab, “Ikut suka awaklah!”

(Ishak Hamzah, 2016: 7)

Berdasarkan petikan di atas, sikap enggan mendengar pendapat mampu dilihat pada watak Pak Kaduk. Watak ini dilihat keras kepala dan tidak mahu mendengar nasihat orang lain termasuk isterinya, Mak Siti. Hal ini kerana Pak Kaduk teringin menyabung ayam di gelanggang raja. Ini kerana Pak Kaduk sering melihat orang yang menang menyabung ayam mendapat hadiah daripada raja. Tambahan pula, Pak Kaduk percaya ayam peliharaannya itu mempunyai tuah. Oleh kerana ingin hidup senang-lenang, Pak Kaduk bertegas ingin mengikuti acara sabung ayam itu.

Selain itu, sikap enggan mendengar pendapat turut digambarkan dalam petikan cerita *Pak Kaduk*. Situasinya dinyatakan seperti di bawah:

#### Petikan 4

Berkatalah Mak Siti “Adakah nak buat baju daripada kertas? Nanti tak tahan lama. Kalau dipakai, mudah terkoyak dan tercarik. Awak juga yang malu nanti bertelanjang di gelanggang!” “Ah, tak usah kau risau,” kata Pak Kaduk. “Tidak akan koyak baju Melayu itu kalau aku hati-hati. Cepat-cepatlah awak jahitkan pakaian itu. Bila dipakai nanti, pandailah aku menjaganya. Cepatlah, jangan dilengah-lengah!”

(Ishak Hamzah, 2016: 8)

Petikan di atas menggambarkan sikap enggan mendengar pendapat melalui watak Pak Kaduk. Pak Kaduk bertegas ingin kertas dibuat baju Melayu. Mak Siti pelik dengan permintaan Pak Kaduk. Mak Siti bimbang Pak Kaduk akan malu apabila baju kertas yang dipakainya itu koyak. Namun, Pak Kaduk enggan mendengar pendapat Mak Siti. Pak Kaduk beranggapan Mak Siti

sekadar cuba untuk melangkah-lengahkan sahaja. Pak Kaduk tidak sabar ingin menjadi orang kaya di kampung mereka. Oleh kerana tidak sabar, baju kertas yang diminta dijahit itu hanya digam sahaja. Ini kerana Pak Kaduk tidak ingin terlewat sampai di gelanggang raja untuk menyabung ayam.

Pengaplikasian teori teksdelisme oleh Mana Sikana (1986) menerusi prinsip pelanggaran. Prinsip ini menjelaskan bahawa pengarang cuba menerapkan pemikiran rakyat jelata juga mampu memiliki kehidupan yang baik. Kehidupan yang baik mampu dimiliki apabila rakyat berani membuat pembaharuan. Oleh itu, pemikiran rakyat perlu diselarikan dengan keadaan semasa agar ekonomi dan sosial diseimbangkan. Pemikiran ini cuba diterapkan oleh pengarang supaya manusia merubah gaya berfikir dan tidak terlalu taksab akan pantang-larang atau adat resam. Perubahan penting bagi memastikan manusia mampu mencapai satu kehidupan yang kondusif.

## 8. Kesimpulan

Sebagai rumusannya, unsur konflik yang berlaku dalam cerita rakyat memberi pengajaran dan didikan yang berguna kepada kanak-kanak. Hal ini kerana cerita rakyat Melayu mampu menyetengahkan punca konflik berlaku dan cara mengatasi isu tersebut dengan bijaksana. Hasil penelitian mendapati unsur konflik dalam cerita *Pak Kaduk* sememangnya memiliki nilai positif yang berpotensi untuk mendidik pemikiran kanak-kanak. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat merupakan alat kawalan sosial kepada masyarakat terdahulu bagi membentuk sahsiah diri. Oleh itu, cerita rakyat merupakan satu khazanah yang penting kepada masyarakat Melayu dan wajar diangkat martabatnya supaya dijadikan panduan kepada kanak-kanak.

## 9. Rujukan

- Hazrul Mazran Rusli. (2018). Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari. *Tesis Ijazah Sarjana Seni (Studio Seni Halus)*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ishak Hamzah. (2016). *Terlajak Sengal Pak Kaduk Vs Pak Pandir*. E Media Multimedia Group SDN. BHD. Kuala Lumpur.
- Jeanette Hillary. (2018). Tipologi Cerita Lebonna Massudilalong: Sebuah Kajian Struktural. *Tesis Ijazah Sarjana Sastra*. Universiti Hasanuddin, Makassar.
- Mana Sikana. (1986). *Kritikan Sastera Pendekatan dan Kaedah*. Penerbit: Fajar Bakti. Petaling Jaya.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerminan Nilai-Nilai Islam dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah. *Journal of Business and Social Development*. 9(1), 51-62.
- Muhammad Qawiem Hamizan et, al. (2021). Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*. 2(2), 34-41.
- Mohd Nazri Abdul Rahman et, al. (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 5(4), 26-30.
- Noorzatulhidayah Mohd Hanipah et, al. (2021). Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 18-29.

Sakinah Rahmah. (2020). Nilai-Nilai Etika dalam Cerita Tapa Malenggang Masyarakat Kecamatan Muara Bulian Kabupaten Batanghari. *Tesis Ijazah Sarjana Aqidah dan Filsafat Islam*. Universiti Jambi.

Tiara Fani. (2017). Cerita Rakyat Banyubiru dalam Tradisi Lisan Desa Sumberrejo Kabupaten Pasuruan. *Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan*. Universiti Jember.